



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU


AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 2

RABU 11HB. JANUARI, 1978.

رأب 1 صفر 1398

PERCHUMA



LANGKAH2 UNTUK MAJUKAN PERIKANAN

BANDAR SERI BEGAWAN.—Satu perjanjian telah di-tanda-tangani pada minggu lalu di-antara Kerajaan Duli Yang Maha Mulia dengan pihak berkuasa White Fish, United Kingdom untuk membekalkan sa-buah kapal penyelidikan dan latehan perikanan yang moden kepada Jabatan Perikanan Brunei, beserta dengan perkhidmatan penasihat nelayan yang mana akan bertanggung-jawab dalam mengendalikan kapal tersebut.

Perjanjian tersebut menandakan satu lagi langkah penting Jabatan Perikanan dalam menjalankan usaha penangkapan ikan di-laut untuk membekalkan keperluan pemasaran yang kian bertambah di-negeri ini. Ini ada-lah merupakan projek terbesar yang pertama di-laksanakan oleh Jabatan Perikanan dalam memajukan perikanan sejak jabatan itu di-tubuhkan dalam tahun 1966.

Kapal penyelidikan dan latehan itu di-jangka tiba di-Brunei dalam pertengahan tahun ini dan akan di-gunakan untuk berbagai bidang. Kapal ini di-lengkapkan dengan alat penangkap ikan yang moden serta alat2 pengesan ikan elektronik. Harga keseluruhan kapal tersebut termasuk alat2 kelengkapan berjumlah kira2 \$670,000.00.

Peringkat permulaan, kapal tersebut akan di-gunakan sa-bagai alat penyelidikan dalam mengesan tempat2 dan kehidupan laut. Jabatan Perikanan akan

melakukan perhubungan dengan menggunakan alat2 penangkap ikan yang moden ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Perikanan menerangkan, kerja2 penyelidikan dan perhubungan itu ada-lah semata2 berhubung rapat dengan penghidupan laut dan kapal itu akan di-gunakan untuk tunjok-chara kepada penangkap2 ikan dan pengendali2 kapal menangkap ikan. Butir2 dan keterangan2 yang di-dapati dari kapal penyelidikan itu akan di-bekalkan kepada nelayan2 yang berminat agar daya pengeluaran ikan akan bertambah.

Sa-buah pangkalan perikanan akan di-bena di-Muara di-mana kapal itu akan di-kendalikan dan dengan pembenaan pangkalan itu penangkapan ikan akan di-perluaskan. Rancangan2 juga sedang di-buat untuk menubuhkan kemudahan2 pendaratan dan pengendalian perikanan serta kemudahan2 perkhidmatan kapal2 menangkap ikan di-sana.

Lain2 rancangan yang akan di-selenggarakan oleh Jabatan Perikanan termasuklah penyiasatan kaji hayat tentang berbagai jenis pemeliharaan udang di-telok Brunei. Jabatan ini juga membuat rancangan untuk membaiki chara2 pengendalian dan penjualan hasil laut yang di-sejokan, di-bekukan dan penyelidikan kemungkinan untuk memelihara ikan dan udang.

Lihat muka 12

TAHUN Undang2 1978 telah di-mulakan pada minggu lalu dengan satu perbarisan kehormatan di-hadapan Bangunan Pejabat2 Kerajaan di-Bandar Seri Begawan.

Hakim Besar, Sir Geoffrey Gould Briggs telah memeriksa perbarisan yang di-ambil bahagian oleh satu pasukan Polis Diraja Brunei (gambar atas).

Berucap di-upacara perasmian di-Mahkamah pada hari itu, Hakim Besar, Sir Geoffrey Gould Briggs telah memberikan penghargaan kepada pehak Polis kerana dapat mengurangkan kejadian jenayah di-negeri ini.

Peguam Negara, Y.B. Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, dalam ucapan-nya pula menshorkan supaya orang2 yang melakukan kesalahan undang2 lalu-lintas di-kenakan denda yang lebih berat. Ini ada-lah berikutan dengan bertambah-nya kematian akibat di-jalan-raya.

Penasihat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa juga turut berucap di-majlis tersebut.



Kembali ka-rahmatullah

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Awang Haji Mohammad Taha bin Pehin Ratna Diraja Awg Hussein (gambar atas) telah kembali ka-rahmatullah di-tempat kediaman-nya di-Kampung Mahohai, Bandar Seri Begawan pada petang hari Isnin lalu.

Berusia 71 tahun, Allahyarham Y.B. Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Awang Haji Mohd Taha sa-masa hayat-nya banyak menyumbangkan bakti-nya terhadap negara.

Allahyarham telah di-lantik selaku ahli Majlis Mashuarat Negeri sejak majlis itu di-tubuhkan dalam tahun 1959. Allahyarham ia-lah juga sa-orang ahli Majlis Mashuarat Diraja, Mashuarat Menteri2 dan sa-orang

ahli Majlis Shari'ah Ugama Islam.

Sa-bagai mengenangkan jasa-nya terhadap negara, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan telah mengurniakan tiga gelaran kepada Allahyarham itu. Sa-belum di-kurniakan gelaran Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela, Allahyarham telah di-sampiri gelaran Pehin Orang Kaya Laksamana dan kemudiannya Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja. Sa-lain dari itu Allahyarham juga telah di-kurniakan Bintang2 Kebesaran dan Pingat2 Kehormatan Negeri.

Allahyarham Y.B. Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela meninggalkan sa-orang balu dan lapan orang anak.

Jenazah-nya telah selamat di-kebumikan pagi semalam.

BEBERAPA RANG UNDANG2 DI-LULUSKAN

BANDAR SERI BEGAWAN.—Majlis Mashuarat Negeri yang telah bersidang bagi musim permashuaratan-nya yang ke-15 sejak Khamis, 22hb Disember tahun lalu telah meluluskan beberapa Rang Undang2 termasuk Rang Undang2 Pindaan.

Sidang yang telah membinchangkan mengenai Rang Undang2 itu telah meluluskan Rang Undang2 Perbekalan Tambahan (1978), 1977 pada 28hb Disember di-mana menerusi Rang Undang2 ini Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan sa-jumlah wang lebih \$943 juta untuk di-peruntokan bagi perbelanjaan di-sepanjang tahun 1978 kepada 46 buah tajok perkhidmatan di-Jabatan2 Kerajaan.

Di-samping itu sa-jumlah wang juga telah di-luluskan oleh Dewan Majlis Mashuarat Negeri untuk di-gunakan sa-bagai perbelanjaan tambahan kepada dua buah jabatan bagi perkhidmatan tahun 1977 di-gelar sa-bagai Rang Undang2 Perbekalan Tambahan (1977) (Bilangan 1), 1977 dengan jumlah \$2,200,627.00. Rang Undang2 ini telah di-luluskan sa-bulat suara undi bersetuju pada 3hb Januari yang lalu.

Demikian juga menerusi Dewan, berkenaan satu Rang Undang2 baru berhubung dengan Perjalanan Udara, 1977 telah juga di-luluskan pada 3hb Januari. Rang Undang2 ini telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas.

Rang Undang2 Perjalanan Udara, 1977 yang baru itu antara lain bertujuan untuk menghindarkan perbuatan jenayah yang dilakukan dalam pesawat terbang yang dalam perjalanan demi untuk menjaga keselamatan pesawat terbang dan penumpang2-nya.

Ini ada-lah sejajar dengan perkembangan yang ada pada negara kita ketika ini di-bidang penerbangan antarabangsa, yang mana negara kita telah mempunyai sa-buah Lapa-

ngan Terbang Antarabangsa yang telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 18hb Julai, 1974 dan bermula-nya perkhidmatan penerbangan kebangsaan kita, Penerbangan Diraja Brunei pada 14hb Mei, 1975.

Perkhidmatan buroh di-negeri ini juga telah mendapat perhatian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-mana Dewan tanpa mendapat bantahan telah meluluskan satu pindaan bagi Undang2 berkenaan pada 3hb Januari.

Lihat muka 12

Peruntokan bagi Jabatan2 Kerajaan tahun ini

BANDAR SERI BEGAWAN.—Majlis Mashuarat Negeri pada minggu lalu telah meluluskan peruntokan Anggaran Belanjawan berbagai2 Jabatan bagi tahun ini seperti berikut:

Jabatan Pelajaran \$77,730,732, Perkhidmatan2 Rampaian \$67,546,224, Kerja Raya \$64,050,646, Letrik \$34,731,442, Perubatan \$31,869,611, Hal Ehwal Ugama \$23,558,143, Penjara \$13,830,330, Radio dan Talivishen \$13,131,147, Bandar \$11,371,852, Pejabat2 Daerah \$9,416,500.

Penerbangan Awam \$8,617,197, Talikom \$7,461,132, Pertanian \$7,210,553, Perjawatan \$6,679,995, Pejabat Setia Usaha Kerajaan \$5,076,379, Pasokan Bomba \$4,217,967, Laut \$3,447,464, Perchetakan Kerajaan \$2,946,888, Dewan Bahasa dan Pustaka \$2,908,050, Perkhidmatan Pos \$2,773,307.

Lihat muka 12



11HB JANUARI 1978.

Tahun kechemerlangan

TAHUN 1977 yang lalu, menurut Pegawai Kewangan Negara, ada-lah merupakan tahun kemakmoran yang belum pernah wujud dalam Negeri Brunei sa-belum-nya. Kerana terdapat kebimbangan terhadap kedudukan ekonomi, di-kebanyakan negara2 yang sedang membangun dan negara2 yang maju di-dunia ini. Walau bagaimanapun, Brunei sungguh bernasib baik, kerana masalah2 tersebut tidak timbul dan kita telah dapat berteduh di-bawah payong ekonomi minyak dan gas, dalam keadaan yang cukup kuat.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, sedang melaksanakan dasar untuk mengambil bahagian dengan lebih giat lagi dari segi kewangan dan pentadbiran dalam pengusahaan sumber minyak dan gas chechair asli. Begitu juga Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia maseh terus memberikan bantuan subsidi, ka-atas penjualan minyak gasoline, diesel dan kerosine; supaya orang ramai akan terus menikmati penggunaan hasil2 tersebut.

Lembaga Kemajuan Ekonomi, pada masa ini sedang memproses pinjaman2 pengusahan2 kecil dan sederhana, supaya dapat memberikan pinjaman2 kepada raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, yang sedang atau memperbesar lagi perniagaan kecil2an mereka.

Dalam penganggaran hasil pendapatan negara bagi tahun 1978 ini pula akan berjumlah sa-banyak \$2,385 juta, ia-itu bertambah sa-banyak \$284 juta daripada hasil pendapatan tahun 1977. Kira2 Hasil Yang Di-Satu pada sa-panjang tahun ini di-ramalkan berjumlah sa-banyak \$6,383 juta.

Rancangan pada mengeluarkan binatang ternakan, rancangan tali ayer, usaha pada memajukan sumber laut, menambah dan membaiki taraf jalan2-nya, menambah bekalan2 tenaga elektrik di-negeri ini, Perkhidmatan Pendidikan dalam perkhidmatan RTB, rancangan perbekalan ayer perengkit kedua, bangunan2 awam termasuk pejabat2 Kerajaan, kerja2 ka-atas Stadium Negara dan lain2 rancangan kebajikan pada meninggikan taraf hidup raayat di-negeri ini, sedang di-laksanakan.

Ini jelas menunjukkan bahawa tahun 1977 yang lalu dan tahun 1978 ini, ada-lah merupakan tahun2 kechemerlangan bagi Negeri Brunei dengan ada-nya latarbelakang kewangan yang kukuh, maka tidak-lah terdapat sebarang masalah belanjawan.

Saperti yang pernah kita tekankan berkali2, walau bagaimana pun indah susunan rancangan2 atau usaha2 Kerajaan itu tadi; ia-nya tidak akan dapat di-nekmati oleh raayat — jika keamanan dan keselamatan serta ketenteraman negara tidak di-pelihara. Dan dengan sebab itu-lah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak akan teragak2 untuk membelanjakan sa-bahagian besar peruntukan itu kerana keselamatan negara supaya raayat dan penduduk di-negeri ini akan dapat menjalankan tugas atau urusan masing2, tanpa sebarang ketakutan atau gangguan dari anasir yang tidak di-ingini.

Untuk menyayakan kegemilangan tahun 1978 ini, ada-lah menjadi tanggung jawab raayat seluruh-nya untuk mengambil bahagian menurut keupayaan masing2 terutama pada mengekalkan keamanan, keselamatan dan ketenteraman dalam negeri kita yang di-kasehi ini. Tahun2 kechemerlangan ini akan terus menerus kita nekmati, dengan izin Allah jua.

BERIKUT ia-lah sambutan ucapan Pegawai Kewangan Negara, Y.B. Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee ketika membentangkan usul Anggaran Belanjawan bagi tahun 1978 dalam Persidangan Majlis Mashuarat Negeri.

RUNDINGAN2 yang membawa kepada penyelesaian urusan2 sedemikian itu pada dasar-nya ada-lah mudah sahaja tetapi dari segi perincian-nya ada-lah kompleks. Rundingan2 tersebut telah di-jalankan dalam suasana yang penuh dengan perasaan saling persafahaman dengan shariat minyak yang mana telah di-galakkan supaya mencari kedua-dua sumber minyak dan gas asli dan berikutan-nya mengusahakan pengeluaran sumber2 tersebut, dalam keadaan yang mereka yakin bahawa mereka boleh melakukan sedemikian itu dengan mendapat galakkan serta sokongan Kerajaan dan dengan berlatar-belakangkan suasana politik yang kukuh.

Pengusahaan Gas Chechair Asli ini memang sa-patut-nya di-berikan sebutan yang istimewa oleh kerana kejayaan-nya dari segi teknologi dan kewangan. Kargo yang ke-500 baru2 ini telah di-hantar dengan kapal ka-Negeri Jepun dan tiada-lah terdapat sebarang keraguan jika di-katakan bahawa chara bagaimana pengusahaan2 ini di-rancang, di-bena dan di-majukan telah menjadi satu ukuran bagi mana2 perusahaan gas chechair asli di-tempat2 lain boleh di-nilai. Sangat-lah gembira-nya hati saya kerana telah dapat merekodkan di-sini akan penghargaan Kerajaan terhadap usaha2 mereka2 yang mempunyai pandangan jauh kedepan, keazaman serta kepakaran untuk melaksanakan projek itu hingga membuahkan hasil-nya.

PINJAMAN DI-PROSES

Lembaga Kemajuan Ekonomi pada masa ini sedang memproses pinjaman2 bagi penubuhan perusahaan2 sa-chara kecil2an. Satu kumpulan-wang berjumlah \$15 juta telah pun di-utangkan bagi maksud2 ini, yang bertujuan supaya dapat memberikan pinjaman2 mudah kepada raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang bermati hendak menubuh atau memperbesar lagi perniagaan kecil2an. Hingga-lah sekarang ini mereka telah menghadapi kesulitan dalam menguruskan soal kewangan mereka melalui saloran2 biasa.

Rancangan Pinjaman Talivishen di-bawah mana Keraja-

nya susah di-dapati. Begitu juga perhubungan2 yang begitu lama dalam hal ini akan mendatangkan hasil.

Beliau menyatakan demikian ketika membahaskan Rang Undang2 Peruntukan (Belanjawan) bagi 1978, yang telah di-chadangkan oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara Brunei, Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee.

Menimbulkan tentang kemalangan2 jalan-nya, Yang Ber-

KEWANGAN BRUNEI KUKUH TIDAK TERDAPAT SEBARANG MASAALAH BELANJAWAN

an mengadakan wang2 yang tidak di-kenakan faedah untuk sa-buah Sharikat Kewangan yang sa-terus-nya memproses pinjaman2 kepada orang ramai sedang berjalan dengan jaya-nya. Faedah pada kadar sa-banyak dua peratus di-kenakan kepada peminjam2 untuk menemui kos pelaksanaan rancangan ini. Pinjaman yang berjumlah \$16.6 juta telah pun di-berikan dan oleh yang demikian dapat memberikan peluang kepada sa-tiap rumah di-negeri ini untuk mempunyai sa-buah petalivishen berwarna.

BERTAMBAH

Penerbangan Diraja Brunei yang pada keseluruhan-nya di-punyai oleh Kerajaan sekarang ada-lah dalam tahun pengusahaan-nya yang ketiga. Penerbangan2 udara yang di-lalui sa-chara beransor2 semakin bertambah. Sharikat Penerbangan ini telah bersungguh2 pada memberikan satu perkhidmatan yang mempunyai taraf yang paling tinggi, sama ada di-pandang dari segi teknik, penyelenggaraan atau dari segi keselesaan penumpang2-nya. Sa-bagaimana yang telah di-jangkakan kerugian2 telah di-alami dalam dua tahun-nya yang pertama tetapi ada-lah di-jangkakan bahawa dengan perkembangan yang berturut2 ini maka sharikat ini akan boleh bertapak-maju dari segi kewangan-nya.

Ketika sava beruchap dalam Majlis ini di-tahun lepas saya telah meramalkan bahawa pada hujung tahun 1977 baki yang terdapat pada sebelah kredit Kira2 Hasil Yang Di-Satukan akan berjumlah sa-banyak Br\$4,741 juta. Dalam hal ini, Perbelanjaan Negara telah terbokti kurang daripada yang telah di-anggarkan dan sekarang nampak-nya baki pada penutup tahun ini akan berjumlah Br\$4,972 juta.

Dalam tahun 1978 saya telah menganggarkan bahawa Hasil Pendapatan Negara berjumlah sa-banyak Br\$2,385 juta ia-itu bertambah sa-banyak Br\$284 juta daripada Hasil Pendapatan bagi tahun ini. Perbelanjaan Yang Berulang2 ada-lah di-jangkakan berjumlah Br\$814 juta dan satu sumbangan sa-banyak Br\$160 juta akan di-buat kepada Kumpo-

lan Wang Kemajuan. Lebehan keseluruhan-nya bagi tahun tersebut oleh yang demikian akan berjumlah sa-banyak Br\$1,411 juta dan baki kredit dalam Kira2 Hasil Yang Di-Satukan pada 31hb Disember 1978 ada-lah di-ramalkan menjadi sa-banyak Br\$6,383 juta.

Ini ada-lah merupakan tahun2 kegemilangan bagi Negeri Brunei dan dengan ada-nya latarbelakang kewangan yang kukuh, maka tiada-lah terdapat sebarang masalah2 belanjawan. Mana2 pembatasan yang perlu di-buat hanya-lah kerana hendak mengelakkan perbelanjaan yang membazir dan yang tidak mendatangkan faedah, dan juga bagi memastikan bahawa chorak perbelanjaan hanya di-tentukan oleh keperluan2 masa ini dan masa2 hadapan bagi mengadakan perkhidmatan2 Kerajaan yang mencukupi dan cekap. Ada-lah di-sedari bahawa paras2 pendapatan yang tinggi pada masa ini tidak akan dapat di-kekalkan buat sa-lama2-nya atau jika dapat di-kekalkan pun ia-nya boleh di-imbangi dengan chara menambah perbelanjaan dan oleh yang demikian ada-lah penting dalam melakukan perbelanjaan pada tahun ini kita juga telah meletakkan satu asas yang kukuh untuk membena pada tahun2 hadapan.

SUMBER2 ASLI

Satu jawatankuasa yang terdiri daripada Ahli2 Yang Berhormat Majlis ini telah di-lantik untuk mengkaji dengan teliti permohonan2 bagi perbelanjaan dalam tahun 1978 yang di-kemukakan oleh semua Jabatan2 Kerajaan. Hasil usaha jawatankuasa ini ada di-muatkan dalam Anggaran2 Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun 1978 yang di-bentangkan di-atas meja awal tadi dalam persidangan Majlis ini sa-bagai Kertas Bil. 1 dan yang mana ada-lah merupakan satu landasan bagi Rang Undang2 Perbekalan.

Ahli2 Yang Berhormat akan mendapati bahawa sa-bahagian besar dari perbelanjaan biasa ada-lah berkaitan dengan keselamatan negara. Kerajaan menyedari tentang peri n-ustahak-nya pasokan2 keselamatan yang mencukupi di-kekalkan dengan tujuan supaya raayat serta penduduk di-negeri ini akan dapat menjalankan urusan masing2 tanpa sebarang ketakutan dari gangguan anasir2 subversif. Untuk menjadi cekap, pasokan2 keselamatan ini mesti-lah di-lengkapkan dengan sa-chukop2-nya serta di-lengkapkan dengan peralatan yang sophisticated dan paling sederhana pun sudah tentu akan memakan belanja yang mahal harga-nya.

Oleh yang demikian, perkhidmatan2 Kerajaan yang sa-umpama itu sa-bagaimana yang di-perlukan bagi kesejahteraan orang ramai telah di-biayai dengan sa-chukop-nya. Keperluan2 ini ada-lah meliputi satu bidang yang luas. Perkhidmatan2 sosial telah terus-menerus di-perbaiki lagi serta di-perluaskan. Dalam Jabatan Perubatan tiada terdapat

sebarang perbelanjaan yang di-kurangkan jumlah-nya sedangkan ia-nya akan dapat menyelamatkan nyawa, memanjangkan usia atau membaiki lagi keadaan hidup manusia. Sementara menunggu pembenaan rumah sakit baru, bangunan2 yang terdapat pada masa ini di-Bandar Seri Begawan ada-lah tidak memadai tetapi dalam lingkungan batas2an sedemikian rupa usaha telah pun di-buat bagi memberikan satu perkhidmatan yang menchapai taraf yang tinggi.

ANGGARAN HASIL

Pelajaran terus di-berikan dengan perchuma. Sekolah2 baru sedang di-bena dan bangunan2 yang sedia ada di-perbesarkan dan di-perbaiki lagi. Pelajaran rendah dan menengah sekarang telah tersedia bagi sa-tiap kanak2 dalam negeri ini dan melalui rancangan Dermasiswa Kerajaan pelang2an untuk memperolehi kelayakan2 akademi dan professional di-sebarang laut dapat di-chapai oleh semua. Sekolah2 pertukangan sekarang telah bertapak-kokoh dan telah memberikan latehan2 dalam pelbagai kemahiran yang di-kehendaki bagi tukang2.

Ahli2 Yang Berhormat akan dapat memperhatikan kenaikan2 dalam perbelanjaan bagi memajukan sumber2 asli melalui Jabatan Pertanian, Perikanan dan Kehutanan. Perkeperluan-nya menjadikan negeri ini boleh mengeluarkan bahan2 makanan utama-nya sendiri, dan memastikan supaya kayu-kayan hutan yang bernilai itu di-pergunakan dengan chara yang dapat memastikan yang bentok kekayaan ini berkekalan, semua ini maseh merupakan matalamat2 utama Kerajaan.

Keperluan2 dari segi kebudayaan telah dapat di-uruskan melalui kegiatan2 Jabatan Muzium dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Perkhidmatan Talivishen sekarang memberikan satu bentuk hiburan yang sebelum ini tidak di-dapati dan mutu siaran bunyi pula sekarang sedikit demi sedikit di-perbaiki lagi. Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan kewas-wei keperluan orang2 muda, orang2 tua dan orang2 meng-hendaki bantuan. Mutu ke-kekapan dalam sokan dan olahraga sedang di-pertingkatkan lagi dengan ada-nya jurulatih2 professional yang di-am-bil bekerja juga dengan chara mengambil bahagian yang lebe-bes dalam pertandingan2 sokan di-luar negeri.

Di-samping itu pula sudah tentu-lah terdapat lain2 Jabatan yang walaupun tidak begitu banyak mendapat perhatian orang ramai namun jabatan2 ini ada-lah penting bagi sa-sebuah kerajaan yang kukuh serta efisien. Keperluan2 mereka juga telah di-sediakan dan dengan merupakan Anggaran2 Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun 1978 Ahli2 Yang Berhormat akan dapat memperhatikan chorak perbelanjaan bagi keseluruhan bidang pentadbiran, perkhidmatan2 dan kemudahan2 awam.

(BERSAMBONG)

Peruntukan hendak-lah di-gunakan sepenoh-nya

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Haji Ali bin Ismail telah melahirkan rasa ke-shukoran-nya atas peruntukan bagi tahun 1978 ini, yang menurut-nya, peruntukan yang begitu besar itu semoga akan dapat di-gunakan dengan sempurna dan sepenoh-nya pada perkara2 yang berkebakikan bagi melicinkan usaha2 Kerajaan demi kepentingan seluruh raayat dan pendu-

dok di-negeri yang bertuah ini.

Yang Berhormat itu juga mengharapakan agar Jabatan Perubatan akan dapat mengkhaskan doktor2 yang merawat orang2 yang bersalin di-hospital2.

Menyentuh mengenai dengan perkhidmatan Jabatan Perikanan, Yang Berhormat itu mengharapakan agar jabatan berkenaan akan dapat mengatasi masalah kekurangan ikan di-negeri ini. Ikan2 sekarang nampak-

nya susah di-dapati. Begitu juga perhubungan2 yang begitu lama dalam hal ini akan mendatangkan hasil.

Beliau menyatakan demikian ketika membahaskan Rang Undang2 Peruntukan (Belanjawan) bagi 1978, yang telah di-chadangkan oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara Brunei, Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee.

Menimbulkan tentang kemalangan2 jalan-nya, Yang Ber-

hormat Pehin Orang Kaya Seri Setia mensifatkan keadaan jalan2-nya tidak mengikut peraturan atau sistem yang tertentu — Yang Berhormat itu menhadangkan supaya pihak berkenaan mengadakan beberapa peratoran2 yang tertentu untuk mengurangkan kemalangan yang semakin meningkat itu.

Menyokong usul Undang2 Pampasan Pekerja, Yang Berhormat itu menyatakan undang2 itu ada-lah untuk ke-baikkan kedua belah pihak, majikan dan buroh dan sa-tiap yang terchatet dalam undang2 itu tidak akan di-salah guna-kan, ujar-nya.



PROJEK2 J-RAYA SEDANG DI-RANCHANG

YANG Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish, ketika menyokong usul yang di-chadangkan oleh Pegawai Kewangan Negara berhubung dengan peruntukan 1978 menjelaskan keraguan2 mengenai ranchangan padi, tali2 ayer dan jalan-raya, menurut Yang Berhormat itu, Kerajaan sememangnya menyedari perkara tersebut seperti yang pernah di-tegaskan bahawa tiap2 projek besar2an itu berkehendakkan penelitian yang rapi.



Y.B. Pehin O.K. Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri.

Undang2 Perlindungan Binatang2 Liar

SUDAH menjadi kelaziman di-negeri ini, segala raayat dan penduduk serta isi di-dalam-nya ada-lah di-lindungi. Kalau manusia ada-lah berdasarkan Uga-ma dan perikemanusiaan, manakala kapada binatang, ada-lah berdasarkan kesayangannya; kerana apa juga yang terkandung yang menjadi isi dalam negeri kita ini, ada-lah merupakan hak milek negeri kita sendiri.

Sebab itu jika hak milek kita itu tidak di-pelihara sudah tentu kita tidak akan mendapat hak yang se-penoh-nya. Jika kita men-sia2kan hak kita itu, bermakna kita termasuk dalam golongan manusia yang membazir, kerana itu, kita perlu memelihara sifat2 kasih sayang.

Ini telah di-tegaskan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, ketika menyekutukan diri menyokong satu usul Rang Undang2 Perlindungan Binatang2 Liar, yang telah di-chadangkan oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd. Taib, di-Dewan Majlis, minggu lalu.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja

seterus-nya menjelaskan bahawa soal keadilan yang di-bangkitkan oleh salah sa-orang ahli Yang Berhormat yang di-lantek, mengingatkan kita kembali kepada sifat2 keadilan yang termashor, yang sentiasa dilaksanakan oleh Sultan Brunei, pada masa lampau, seperti Sultan Bolkiah yang sentiasa menjalankan keadilan kapada negeri dan tempat2 di-naongi, di-zaman kegemilangan Brunei dahulu.

Mengenai dengan pertanyaan yang di-timbulkan oleh salah sa-orang ahli Yang Berhormat lain, menyatakan boleh-kah binatang2 berkenaan akan terkawal dalam undang2 itu—Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja menjelaskan, terkawal atau tidak-nya, ada-lah perlu untuk mengadakan undang2 tersebut terlebih dahulu — jangan sudah habis binatang2 yang di-maksudkan mengadakan undang2-nya. Dalam pada itu, ada-lah perlu kerjasama orang ramai di-negeri ini untuk memelihara hak kita sendiri itu, ujar-nya lagi.

Mengenai kesesakan jalan-raya di-kawasan Bandar Seri Begawan, katanya, sa-buah jawatankuasa telah di-tubuhkan untuk mengkaji-nya dan beberapa batang jalan-raya sedang di-ranchang untuk di-laksanakan bagi maksud2 tersebut seperti menyambung jalan-raya dari Subok ka-Muara, pengkajian untuk membuat sa-batang jalan pantai dari Muara ka-Tutong telah siap dan di-jangka di-mulakan pertengahan tahun 1978.

Mengenai bekalan ayer pula, Kerajaan sedang memperluaskan perkhidmatan bekalan ayer di-negeri ini.

Yang Berhormat Pehin Orang Singamenteri Awang Arif bin Mujun pula ketika menyokong rang undang2 perbekalan 1978 ini menyatakan supaya Jabatan Pertanian mengambil perhatian yang berat terhadap hasil2 rambutan di-negeri ini supaya ia-nya akan dapat di-jadikan hasil negara.

Menyentuh mengenai dengan Jabatan Laut, Yang Berhormat itu mengharap agar segala kemudahan2 kelengkapan seperti injin2, bot2 itu haruslah di-perbaiki dari masa kesemasa menurut kesempornaan-nya.



KELIHATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin beredar meninggalkan Dewan Majlis, sa-telah selamat menyempurnakan Pembukaan Rasmi Majlis Mashuarat Negeri Brunei dari Musim Perashuaratan ke-15, pada 22hb Disember, 1977 yang lalu, di-iringi oleh Speaker Dewan Majlis, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar (kelihatan di-belakang Kebawah DYMM).

Undang2 Pampasan Pekerja beri perlindungan kpd. pekerja2

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin ketika menyokong usul Undang2 untuk meminda Undang2 Pampasan Pekerja Bilangan 5 tahun 1957, yang telah di-chadangkan oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara, mensifatkan bahawa undang2 tersebut adalah merupakan satu usaha,



Y.B. Pehin O.K. Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain.

untuk mendokong tujuan kerja2 dengan menaikkan jumlah ganti-rugi yang perlu di-bayar oleh majikan2 kapada pekerja2 yang di-bawah tanggungan-nya.

Majikan2, jelas-nya lagi, ada-lah di-arahkan supaya mengambil langkah2 yang chukop untuk mereka bagi membayar sebarang tanggungan, terhadap mana2 pekerja yang di-ambil-nya bekerja samada dengan chara menginsurankan diri-nya; bagi faedah pekerja2 itu, atau mengadakan deposit sa-jumlah wang atau memberi chagaran lain yang di-luluskan untuk membayar ganti-rugi kapada pekerja2 itu jika keadaan menghendaki-nya.

Yang Berhormat itu bertanya, mengapa pekerja2 perlu di-beri pampasan atau ganti-rugi oleh majikan2 sa-bagaimana yang telah di-kehendaki oleh undang2 itu? Ini jelas-nya,

kerana pekerja2 itu ada-lah manusia yang mempunyai tanggong2-nya dalam menjalankan tugas mereka kapada negara yang sentiasa terdedah kapada kechederaan atau bahaya.

Maka kechederaan2 yang di-maksudkan yang perlu di-perlindungi seperti yang terkandung dalam undang2 yang berkenaan kapada majikan2 ada-lah menurut kadar2 yang di-tentukan, tambah Yang Berhormat itu.

Di-samping itu, sambong-nya lagi, undang2 tersebut juga membuat keadilan2 kapada kedua belah pihak, bukan-lah bermakna sa-tiap majikan akan mesti membuat bayaran pampasan kapada pekerja2-nya; malah majikan2 juga di-kehendaki untuk berbuat demikian, umpama-nya; "Majikan hendak-lah tidak kena membayar pampasan berhubung dengan kechederaan yang bersebab daripada kemalangan jika di-buktikan kechederaan pekerja ada-lah di-sebabkan sa-chara langsung yang pekerja itu semasa kemalangan itu berlaku di-bawah pengaruh alkohol atau dadah", seperti yang terkandung dalam Bab 4 Pertanggungan majikan, Cheraian 7.

Terdahulu dari itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja itu berkata bahawa kita manusia seperti yang telah di-korbankan oleh Allah s.w.t. ada-lah mempunyai pengetahuan2 dan kemahiran masing-masing, kerana itu sa-suatu pekerjaan yang halal ada-lah merupakan satu kemuliaan dan pekerjaan yang haram ada-lah satu kehinaan.


Di-antara kita ini pula terjadi dua golongan ia-itu satu golongan pekerja dan satu golongan majikan dalam menjalankan sa-suatu pekerjaan yang halal itu tadi. Kedua2-nya sama berkehendakkan antara satu sama lain dalam menchapai matalamat kehendak2 kehidupan masing2, jelas-nya.

Binatang2 liar perlu di-beri perlindungan

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Col. Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud ketika menyokong Rang Undang2 Perlindungan Binatang2 Liar, menyatakan bahawa undang2 itu membolehkan binatang2 dan burung2 yang di-landongi itu supaya dapat membiak di-samping kita akan dapat menikmati keindahan dari-nya; kerana itu binatang2 yang di-maksudkan itu perlu di-pelihara dan di-jaga, jika tidak di-beri perlindungan mereka akan hapus dari permukaan bumi kita ini.

Turut memberikan pendapat-nya dalam menyokong usul tersebut itu ia-lah Yang Berhormat Dr. Awang Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin antara lain menyatakan; ini-lah waktu-nya kita mengambil tindakan yang ketat terhadap pembunuhan, penjualan dan penangkapan binatang2 liar di-negeri ini.

Tambah Yang Berhormat itu lagi, bukan sahaja kita patut melindungi binatang2 yang tersebut dalam undang2 itu bahkan binatang2 yang lain juga perlu di-beri perlindungan. Kalau undang2 ini di-luluskan bukan bererti binatang2 itu di-biarkan akan berkeliaran tetapi di-jaga di-tempat raayat dan penduduk di-



GAMBAR sa-telah selesai Pembukaan Rasmi Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Musim Perashuaratan ke-15 dari kiri: Y.B. Pehin Datu Singamenteri Awang Arif bin Mujun, Y.B. Dr. Awang Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin, Y.B. Pehin O.K. Seri Dewa Lt. Col. Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud dan Y.B. Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish.

JADUAL LAWATAN DOKTOR TERBANG BAGI BULAN JAN.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan telah menyusun jadual lawatan rombongan perubatan yang menggunakan pesawat helikopter kakampong2 pendalaman bagi bulan Januari ini.

Menurut jadual, rombongan tersebut akan melawat tujuh buah kampung di Daerah Tutong; lima di Daerah Belait dan dua di Daerah Temburong.

Kampung2 di-Daerah Tutong yang akan di-lawati

oleh rombongan tersebut ialah Supon Besar pada 16hb Januari, Long Mayan dan Supon Kecil pada 17hb Januari, Bukit pada 18hb Januari dan Benutan pada 25hb Januari.

Kampung2 di-Daerah Belait yang akan di-lawati ialah Sukang pada 9hb Januari, Melilas pada 11hb Januari, Baran dan Teraja pada 23hb Januari dan Bau pada 24hb Januari.

Rombongan tersebut akan mengadakan lawatan kakampung Lopat Temburong pada 30hb Januari dan Biang Menengah juga di-Daerah Temburong pada 31hb Januari.

Penduduk2 Kampung yang berkenaan adalah dinasihatkan supaya berada di-tempat2 yang selalu di-jadikan klinik sementara apabila rombongan itu melawat kakampung2 pada tarikh2 yang di-tetapkan itu.

Kad2 perubatan, jika ada, hendaklah juga di-bawa bersama.

UNTOK mendapatkan hasil tanaman padi yang lumayan, pengawalan musuh dan penajaan yang rapi perlu di-laksanakan.

Dalam perkara ini, Jabatan Pertanian sentiasa memberikan pertolongan kepada penanam2 padi di-negeri ini. Baru2 ini Bahagian Pengembangan Pertanian Daerah Brunei/Muara telah menghantar pegawai2-nya untuk mengadakan tunjok-chara pengawalan musuh tanaman yang selalu-nya menyerang tanaman padi. Tunjok-chara itu bagi menerangkan chara2 menyembar sa-jenis ranchun serangga yang di-shorkan bagi pengawalan musuh2 tanaman

padi sa-lepas 25 hari padi itu di-tanam.

Gambar atas menunjukkan Pegawai Pengembangan Pertanian Mukim Serasa, Awang Haji Pakar bin Haji Durman menunjukkan chara2 menyembar tanaman padi itu kepada peladang2 di-Kampung Tanah Jambu sementara gambar bawah pula kelihatan Pegawai Pengembangan Pertanian Mukim Sengkurong (No. 2 dari kanan) sedang memberikan penerangan mengenai chara2 penggunaan ranchun serangga jenis "Furadan" kepada penanam2 padi di-Kampung Selayon/Tagap, Mukim Sengkurong.

Sumbangan derma untuk Stadium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri selaku Setiausaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Tabong Pembinaan Stadium pada minggu lalu telah menerima wang tunai sa-banyak \$100.00 sum-

bangkan dari Awang Abdul Rauf Khan, Kedai Kain Islam Pakistan, Brunei bagi kali kedua sa-bagai menjunjung titah dan menyembahkan ta'at setia-nya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan mengenai pembinaan Stadium.

Sa-bagai menghargai ingatan-nya untuk menderma kepada Tabong Pembinaan Stadium dan perasaan ta'at setia-nya untuk menjunjung titah Baginda itu, maka Yang Berhormat itu telah menguchapkan terima kasih atas sumbangan derma tersebut.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 5hb Januari, 1978.

BANDAR SERI BEGAWAN :

- (1) MINYAK MAKAN CHAP BUNGA (3 kati) — \$3.50 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut :
 - a) Chop Aik Thye, No. 25, Jalan Sultan, Bandar, Seri Begawan.
 - b) Chop Hock Huat, No. 62, Jalan McArthur, Bandar, Seri Begawan.
- (2) MINYAK MAKAN CHAP BUNGA (24½ kati) — \$28.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut :
 - a) Chop Chin Seng, No. 107, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan.
 - b) Leong Soon Huat, No. 1, Jalan McArthur, Bandar, Seri Begawan.
 - c) Hong Guan Koon Kee, No. 10, Jalan McArthur, Bandar, Seri Begawan.
- (3) BAWANG PUTEH — \$2.40 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
 - a) Teck Bee, No. 106, Bangunan Guru2 Melayu, Bandar, Seri Begawan.
 - b) Tan Eng Huat, No. 111, Bangunan Guru2 Melayu, Bandar, Seri Begawan.
 - c) Chop Chin Seng, No. 107, Jalan Chevalier, Bandar, Seri Begawan.
 - d) A. Muthian, No. 9, Jalan McArthur, Bandar, Seri Begawan.
 - e) Hong Guan Koon Kee, No. 10, Jalan McArthur, Bandar, Seri Begawan.
 - f) Chai Huat Trading Co., No. B-2, Jalan Robert, Bandar, Seri Begawan.
- (4) PUSU KERING — \$4.30 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
 - a) Lam Seng, No. 3, Jalan McArthur, Bandar, Seri Begawan.

- (2) MINYAK MAKAN CHAP BUNGA (24½ kati) — \$28.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut :
 - a) Ng Ming Hong, No. E, Bangunan Dewan Perdagangan China, Jalan Bunga Raya,
- (3) BAWANG PUTEH — \$2.60 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :
 - a) Sia Heng Hong, No. 31-B, Jalan Sungai, Kuala Belait.
 - b) Chop Haw Min, No. B, Bangunan Dewan Perdagangan China, Jalan Bunga Raya,
- (4) PUSU KERING — \$4.50 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :
 - a) Chiong Kee, No. 1-A, Jalan Pretty, Kuala Belait.

- (1) MINYAK MAKAN CHAP BUNGA (3 kati) — \$3.70 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut :
 - a) Chop Yick Heo, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.
 - b) Siong Huat, No. 40, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.
 - c) Wong Wah Seng Trading, No. 73, Jalan Bunga Kenanga, Seria.
- (2) MINYAK MAKAN CHAP BUNGA (24½ kati) — \$28.50 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
 - a) Choo Heng Company, No. 30, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.
- (3) BAWANG PUTEH — \$2.30 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
 - a) Hudson Company, No. 31, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.
- (4) PUSU KERING — \$4.00 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :
 - a) A. Muhamed, No. 66, Jalang Bunga Kenanga, Seria.

SERIA :

- (1) MINYAK MAKAN CHAP BUNGA (3 kati) — \$3.70 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
 - a) Choo Yick Heo, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.
 - b) Siong Huat, No. 40, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.
 - c) Wong Wah Seng Trading, No. 73, Jalan Bunga Kenanga, Seria.
- (2) MINYAK MAKAN CHAP BUNGA (24½ kati) — \$28.50 sa-tin boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
 - a) Choo Heng Company, No. 30, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.
- (3) BAWANG PUTEH — \$2.30 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
 - a) Hudson Company, No. 31, Jalan Sultan Omar Ali, Seria.
- (4) PUSU KERING — \$4.00 sa-kati, boleh di-beli dari kedai2 berikut :
 - a) A. Muhamed, No. 66, Jalang Bunga Kenanga, Seria.



Sumbangan dari M.U.I.B.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Ugama Islam telah mendermakan lebih dari \$800.00 kepada Tambong Kebajikan Kebangsaan.

Chek tersebut telah disampaikan oleh Penyelia Baitol Mal, Zakat dan Fitrah, Awang Haji Mohammad Tahir bin Beganw Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Omar kepada Ketua Pegawai Kebajikan, Datin Hajjah Zaharah binte Haji Idris bagi pehak Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan Kadet2 tersebut ada-lah terdiri dari pengambilan2 kedua dan ketiga. Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja

jaan tambahan bagi membena sa-buah rumah untuk Awang Metusin bin Jabair di-Kampung Sungai Kedayan 'A' di-Kampung Ayer.

Terdahulu dari itu, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan telah mendermakan bahan2 bangunan untuk membena rumah tersebut.

Mengangkat sumpah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu upacara mengangkat sumpah akan diadakan di-Pusat Latehan Polis di-Jalan Muara pada hari Khamis esok bagi 180 orang kadet polis.

Kadet2 tersebut ada-lah terdiri dari pengambilan2 kedua dan ketiga. Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja

Pengiran Jaya akan berucap di-upacara tersebut dan kemudian-nya menyampaikan sijil2 kepada 11 orang kadet yang baru sahaja menamatkan kursus pegawai rendah sa-lama sa-minggu.

Yang Amat Mulia itu juga akan menyampaikan lambang polis kepada yunit2 kadet sekolah.

BELIA MENJIWAI ISLAM SA-BAGAI CHARA HIDUP

KHUTBAH JUMAAT

PADA 24hb hingga 27hb Disember, 1977 yang telah lalu, bertempat di-Maktab Perguruan Uga-ma Seri Begawan di-Jalan Tutong berlangsung-lah Seminar Dakwah Islamiah Belia atas anjuran Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Majlis Belia2 Negeri Brunei. Pada kese-luruhan-nya seminar yang bersejarah itu telah di-am-bil bahagian dan sa-terus-nya di-jayakan oleh per-wakil-an2 Belia Islam dari per-

tubohan2 belia tanah ayer. Atas himmah dan ke-mahuan belia2 tanah ayer kita untuk sama2 menyelok dan membongkar sa-baha-gian daripada rahsia ajar-an2 Islam yang suci itu sangat2-lah melapangkan dada kita kaum muslimin di-negeri ini. Dan kita ber-do'a mudah2an usaha2 yang berkebakikan saperti itu akan tetap di-teruskan demi kepentingan Ugama Allah dan negeri kita Bru-nei Darussalam.

Jenerasi muda, atau be-lia pada hari ini ada-lah pe-mimpin2 negara di-hari2 yang akan datang. Oleh kerana itu ada-lah musta-hak belia2 pada hari ini memileki satu konsep hidup yang benar2 berlandaskan ajaran2 Allah bagi pegang-an hidup hari ini dan masa yang akan datang. Kita tidak-lah mengingini bahn-kan sa-balek-nya menyekali jika belia2 kita yang bakal menjadi pemimpin2 negara tiada memileki kekuatan iman dan keperchayaan terhadap Allah dan Uga-ma-nya sa-terus-nya tiada punya pendirian yang tegap sa-bagai sifat sa-orang pe-mimpin yang laksana kapas melayang2 di-terbangkan angin di-ruang udara, tiada arah untuk di-tuju dan tiada tempat untuk ber-tapak. Sa-orang hamba Al-lah yang tiada punya pe-gangan keimanan akan mu-dah terjejas daripada ama-

nah yang di-pertanggung-jawabkan kapada-nya.

Mengenai dengan kehi-dupan beragama pada ma-sa ini, kaum belia di-tanah ayer ada-lah golongan yang tidak terlepas daripada ba-nyak menghadapi masaa-lah. Kes2 khalwat dan persetubohan haram sa-hingga membawa kapada lahir-nya anak2 di-luar ni-kah di-kalangan umat Is-lam, sa-bahagian besar-nya ada-lah melibatkan golong-an2 muda tadi. Demikian pula kes2 jenayah yang lain di-mana sa-bahagian besar-nya golongan2 muda tadi, ada-lah watak utama yang mengendalikan perbuatan2 yang sangat bertentangan dengan hukum Allah dan hukum negara.

Timbul-nya perbuatan2 jenayah dan pelanggaran terhadap hukum dan un-dang2, tidak shak lagi sa-bahagian besar-nya ber-

puncha dari mengabaikan prinsip2 Islam yang suci, yang menunjukkan jalan2 dosa dan pahala dalam hi-dup. Orang2 yang tidak berminat dan tidak mahu mematohi ajaran atau prin-sip yang demikian ini me-mang-lah mudah sekali ha-nyut, ibarat sabut di-tengah laut, entah bila-lah ia terdampar ka-tepi dan berhenti dari di-pukul um-bak angin ribut.

Oleh kerana itu ada-lah tepat, tugas kaum belia hari ini menjiwai Ugama-nya, menghayati Islam sa-bagai chara hidup mereka. Kaum belia tidak boleh tunggu2 siapa hendak me-mulai, tetapi kewajipan ki-ta yang besar ia-lah memu-lakan dari dalam diri kita masing2. Kesedaran boleh datang dari luar. Tetapi amal saleh ia-lah buah yang di-hasilkan dari da-lam diri.

BENCHANA ALAM PENENTUAN ALLAH

